



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BOLA SEPAK 9 SEBELAH

1.0 PENGANJURAN & PENGELOLAAN

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2.0 PERATURAN AM

- 2.1 Selain daripada peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang bola sepak yang telah diluluskan oleh Persatuan Bolasepak Negeri, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).
- 2.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang asal akan di patuhi.
- 2.3 Kejadian luar dugaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 2.3.1 Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola
 - 2.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan Persekutuan Bolasepak Antarabangsa.
- 2.4 Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini.
- 2.5 Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am KARNIVAL SUKAN DVS.
- 2.6 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah MUKTAMAD.

3.0 PENDAFTARAN

- 3.1 Setiap kontingen hendaklah mendaftarkan **TIDAK LEBIH** daripada **Lima Belas (15)** orang pemain dan **Satu (1)** orang pengurus/jurulatih.
- 3.2 Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 3.3 Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 3.4 Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam Peraturan Am Perkara 11.
- 3.5 Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu
- 3.6 Dua (2) warna jersi yang berlainan hendaklah didaftarkan. Jika terdapat persamaan warna jersi setelah disahkan oleh pegadil perlawanan, pasukan tuan rumah (namanya disebut dahulu) akan dikehendaki menukar jersi mereka
- 3.7 Setiap pemain diwajibkan memakai jersi yang bernombor sebagaimana yang disenaraikan dalam borang pendaftaran, seluar yang sesuai, sarung kaki (stoking) yang dinaikan keatas dan wajib memaki *shin guard*



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BOLA SEPAK 9 SEBELAH

4.0 SISTEM PERTANDINGAN

4.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 15.

4.2 Mata / Keputusan Perlawanan

4.2.1 Sistem Liga

PENENTUAN	MATA / MARKAH
Menang	3
Kalah	0
Seri	1

4.2.1.1 Pasukan yang mendapat jumlah mata terbanyak akan menjadi johan kumpulan

4.2.1.2 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang mendapat mata yang sama, perbezaan jaringan gol dan bolos yang terbanyak dalam keseluruhan perlawanan liga hendaklah menang

4.2.1.3 Jika perbezaan gol juga seri, maka mana-mana pasukan yang menjaringkan gol terbanyak dalam keseluruhan perlawanan dikira menang

4.2.1.4 Sekiranya masih berkedudukan seri, mana-mana pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dalam pusingan liga dikira menang

4.2.1.5 Sekiranya kaedah diatas gagal menentukan kedudukan, maka satu lambungan syiling akan dibuat bagi menentukan pasukan yang layak

4.2.1.6 Perlawanan suku akhir dan keatas akan dijalankan secara kalah singkir

4.3 Sistem Kalah Singkir

4.3.1 Sekiranya diakhir masa permainan biasa berkedudukan seri, maka tambahan masa selama 7 minit setiap separuh masa akan dijalankan. Sekiranya masih seri, maka lima(5) tendangan penalti setiap pasukan akan dilakukan dan jika masih seri, '*Sudden Death*' penalti akan digunakan sehingga ada pemenang. Sekiranya semua kaedah tersebut gagal, maka satu lambungan syiling akan dijalankan untuk menentukan pemenangnya

4.4 Waktu Perlawanan

4.4.1 Masa bermain sepenuhnya adalah tiga puluh (30) minit (15 minit bagi setiap separuh masa) dan masa rehat selama sepuluh (10) minit

4.4.2 Sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum bermulanya perlawanan tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama **SEMBILAN (9) PEMAIN UTAMA** dan **ENAM (6) PEMAIN SIMPANAN** menggunakan borang yang disediakan oleh **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN**.

4.4.3 Sekiranya pasukan yang bertanding tidak hadir, tempoh masa menunggu yang dibenarkan adalah sepuluh (10) minit daripada masa perlawanan yang dijadualkan dan mana-mana pasukan yang melanggar peraturan ini akan dikenakan tindakan seperti berikut:



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BOLA SEPAK 9 SEBELAH

- 4.4.3.1 Pasukan yang gagal menghadirkan seramai sekurang-kurangnya **sembilan (9)** orang pemain selepas tempoh menunggu **sepuluh (10)** minit daripada masa perlawanan yang dijadualkan akan dikira kalah (*walkover*)
- 4.4.3.2 Kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawannya dengan tiga (3) mata dan jaringan tiga (3) – kosong (0)

4.5 Bilangan Pemain Yang Minima

- 4.5.1 Sekurang-kurangnya mesti ada lapan (8) orang pemain termasuk seorang (1) penjaga gol bagi setiap pasukan semasa berada di padang perlawanan untuk membolehkan satu-satu perlawanan itu dimulakan. Jika kurang daripada bilangan itu, pasukan tersebut tidak layak bermain dan dikira kalah

4.6 Penggantian Pemain

- 4.6.1 Hanya tiga (3) orang pemain gantian (*Substitute*) boleh diganti termasuk masa tambahan. Mana-mana pemain yang kena ganti tidak boleh bermain lagi dalam perlawanan tersebut termasuk mengambil tendangan penalti
- 4.6.2 Mana-mana pemain yang hendak menggantikan pemain yang sedang bermain hendaklah terlebih dahulu memberitahu dengan menyerahkan borang penggantian pemain yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh pengurus pasukan kepada pengadil keempat / urusetia pertandingan yang berada di tepi padang. Pemain gantian tersebut tidak dibenarkan masuk ke dalam padang permainan kecuali selepas mendapat kebenaran pengadil

4.7 Pemain Yang Diberi Amaran / Buang Padang

- 4.7.1 Pemain yang diberi amaran bertulis (kad kuning) di dalam dua (2) perlawanan sepanjang kejohanan ini akan digantung secara automatik satu (1) perlawanan berikutnya.
- 4.7.2 Pemain yang diberi kad kuning kedua di dalam satu perlawan, maka secara automatik akan dikenakan kad merah dan akan digantung satu (1) perlawanan berikutnya.
- 4.7.3 Pemain yang dibuang padang (kad merah) secara automatik akan digantung dua (2) perlawanan berikutnya dan kedudukan pemain tersebut akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib
- 4.7.4 Mana-mana pemain yang didapati menyerang pengadil atau pemain yang diperintahkan keluar padang kerana bergaduh akan digantung bermain sepanjang tempoh kejohanan ini dan kedudukan pemain tersebut akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib
- 4.7.5 Pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan juga akan membuat laporan tatatertib terhadap pegawai dan peserta yang didapati melanggar disiplin sebagaimana dalam Peraturan Am Perkara 24 kepada Ketua Kontingen dan Jawatankuasa Tatatertib.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BOLA SEPAK 9 SEBELAH

5.0 **PENGADIL**

- 5.1 Jawatankuasa Penganjur akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am
- 5.2 Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanandijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 5.3 Seseorang pemain yang telah digantung permainannya oleh Persatuan Bola Sepak di mana-mana daerah atau negeri tidak dibenarkan bermain di dalam pertandingan ini. Jika didapati pemain yang berkenaan didaftar oleh mana-mana pasukan, pasukan yang berkenaan akan digantung penyertaannya di dalam pertandingan ini.

6.0 **DISIPLIN PASUKAN**

- 6.1 Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.
- 6.2 Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am.

7.0 **PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA**

- 7.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18

8.0 **JAWATANKUASA TATATERTIB / JURI RAYUAN**

- 8.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara 23.

9.0 **JADUAL PERLAWANAN**

- 9.1 Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

10.0 **UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH**

- 10.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Tetap Perkara 12



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BOLA SEPAK 9 SEBELAH

11.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGI

Nama	:	En. Razif
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Bola Sepak
No. H/P	:	019-5135757
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	En. Mohd Faiz
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Sukan Bola Sepak
No. H/P	:	017-5449544
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	Setiausaha Pertandingan Bola Sepak
No. H/P	:	
emel	:	